

**064 FIKRAH DAKWAH SHAYKH MUHAMMAD AL-GHAZALI:  
TUMPUAN DALAM KITAB *FÎ MAWKIB AL-DA'WAH* DAN *MA'A  
ALLÔH; DIRÓSÓT FÎ AL-DA'WAH WA AL-DU'ÔT***

**Ahmad A`toa` Bin Mokhtar, Muhammad Choirin, Zikmal Fuad Muhammad, Ahmad  
Fauzi Mohd Shahar**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

**ABSTRAK**

Konsep dan Prinsip Dakwah dapat dijumpai dalam pemikiran Shaikh Muhammad al-Ghazali. Artikel ini meneliti tentang pemikiran dakwah Shaikh Muhammad al-Ghazali mengenai konsep dan prinsip dakwah beliau dengan mengambil tumpuan dalam bukunya *Fi Mawkib al-Da'wah* dan *Ma'a Allah: Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'at*. Artikel ini dimulai dengan perbincangan mengenai Shaikh Muhammad al-Ghazali, ketokohan beliau dan penglibatannya dalam bidang dakwah Islamiah. Berkenaan dengan beberapa konsep dan prinsip dakwah, beliau membahaskan secara terperinci mengenai pengertian pendakwah, topik dakwah, pendekatan dakwah serta media dakwah dalam kedua-dua karya tersebut. Kajian ini mendapati bahawa Shaikh Muhammad al-Ghazali merupakan tokoh pendakwah ulung antarabangsa. Seterusnya pelbagai teori dan gagasan beliau adalah amat cemerlang dalam konteks menjayakan dakwah kontemporari, sama ada yang berhubungkait dengan persediaan pendakwah, pendekatan dan juga media pelaksanaan dakwah serta problem dakwah dan solusi yang dapat digunapakai oleh pendakwah di masa mendatang.

Kata Kunci: Pemikiran Dakwah, Prinsip Dakwah, Muhammad al-Ghazali dan Ulama Antarabangsa.

## PENDAHULUAN

Muhammad al-Ghazali (selanjutnya disebut Shaikh al-Ghazali) adalah antara nama tokoh ulama besar Islam yang tidak asing lagi di dunia Islam. Selain tokoh ulama, beliau juga dikenali sebagai pemikir, pendakwah dan cendekiawan. Sumbangan beliau dalam dunia dakwah sangatlah besar, sama ada di dalam negaranya ataupun di peringkat antarabangsa. Karya-karya tulisnya yang amat agung telah mempengaruhi sebahagian besar pemikiran tokoh-tokoh di seluruh negara. Ia tergolong ulama yang produktif dalam menghasilkan karya tulis. Ketajaman penanya telah berjaya menghasilkan lebih dari 60 tajuk buku dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa.

Hasil karya Shaikh al-Ghazali mengandungi pelbagai bidang yang membuatnya layak digelar sebagai penulis (*Katib*), sasterawan (*Adab*), pengkaji (*Bahith*), ulama (*'Alim*), pemikir (*Mufakkir*) dan juga pendakwah (*Da'i ila Allah*).<sup>1</sup> Dalam bidang dakwah, beliau menghasilkan beberapa kitab antara lain: *Fi Mawakib al-Da'wah*, *Ma'a Allah: Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'at*, *al-Da'wah al-Islamiyah Tastaqbil Qarnaha al-Khamis al-'Ashr*, *Humam al-Da'iyah*, *Jihad al-Da'wah bayna 'Ajzi al-Dakhil wa Ka'id al-Kharaj* dan lain-lain. Justru itulah penulis tertarik untuk mengkaji pandangan Shaikh al-Ghazali mengenai konsep *U'Ûl al-Da'wah* yang mengandungi pendakwah, tema dakwah, pendekatan dan juga media dakwah sepertimana yang cetuskan oleh 'Abd al-KarÊm Zaydan.<sup>2</sup> Kajian pemikiran dakwah Shaikh al-Ghazali ini akan mengambil tumpuan pada kitab *FË Måwkib ål-Då'wåh, Må'å ÅllËh: DËrËsËt fi ål-Då'wåh wå al-Du'Ët*. Kedua kitab ini antara buah karya beliau yang mengambil tumpuan mengenai dakwah,

---

<sup>1</sup> FathÊ Hasan al-MulkawÊ, *al-AtË' al-FikrÊ li al-Shaykh Muhammad al-GhazËlË* (Amman: al-Ma'had al-'AlËmÊ li al-Fikr al-IslËmÊ, 1996), 16.

<sup>2</sup> 'Abd al-KarÊm ZaydËn, *U'Ûl al-Da'wah* (Baghdad: Maktabah al-ManËr al-Islamiyyah, 1981), 3.

sama ada yang berhubungkait dengan menuliskan disiplin ilmu dakwah (*Ta'ÎÊl 'Ilm al-Da'wah al-IstiqlÉlÊ*) ataupun yang berhubungkait dengan gerakan dakwah kontemporari.

## **BIOGRAFI DAN PENGAJIAN SHAIKH AL-GHAZALI**

Nama penuh beliau ialah Muhammad al-Ghazali al-Saqa. Beliau dilahirkan pada tanggal 22 September 1917 M di Nakhlah al-'Inab yang merupakan satu kampung di provinsi Buhairah Republik Arab Mesir.<sup>3</sup> Beliau lahir dan bertumbuh dalam kalangan keluarga disegani kerana kecintaannya kepada ilmu dan ulama. Ayahnya merupakan seorang guru agama yang wara' dan disegani masyarakat. Manakala ibunya merupakan seorang muslimah yang sangat mengambil perhatian dalam bidang akhlak dan tarbiyah Islamiah.

Sepertimana ulama-ulama lain, Shaikh al-Ghazali mendapat pendidikan awal dengan mempelajari al-Qur'an secara bertajwid. Pada usianya seawall 10 tahun, beliau berjaya menamatkan hafazan al-Qur'an 30 juzuk. Selain mempelajari al-Qur'an, beliau juga memulakan pengajian secara formal di Pondok al-Azhar (*al-Ma'had al-DÊnÊ al-AzharÊ*) di Iskandariyah. Di sekolah inilah beliau mempelajari pelbagai bidang keilmuan dan berjaya menamatkan pengajian hingga sekolah menengah (1928 – 1937 M). meskipun secara amnya guru-guru yang bertugas di madrasah ini adalah ulama azhar, tetapi di madrasah ini juga Shaikh al-Ghazali berkesempatan untuk berguru kepada Sheikh Muhammad Abduh yang dikenali sebagai ulama moden yang memiliki pandangan pembaharuan dan membantah kejumudan serta sifat taklid

---

<sup>3</sup> Muhammad ØalÉbÊ, *al-Shaykh al-GhazÉlÊ wa Ma'rakÊt al-Mushaf fi al-'Ólam al-IslÉmÊ* (Kaherah: DÊr al-Øahwah, 1987), 23.

yang betcangah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Dapat dipastikan pola fikir Muhammad Abduh ini sedikit sebanyak member kesan pada pembentukan peribadi dan pola fikir Shaikh al-Ghazali di kemudian hari.

Selepas menamatkan pengajian di madrasah tersebut, pada tahun 1937 M Shaikh al-Ghazali berhijrah ke Kaherah untuk menyambung pengajiannya di Fakulti Usuluddin Universiti al-Azhar. Belajar di Universiti Islam tertua di dunia Islam tersebut memberi peluang kepadanya untuk bertemu dengan para ulama dan pemikir dari pelbagai kalangan. Antara ulama al-Azhar yang memiliki peranan dalam membina wawasan keilmuwan dan membentuk sikap serta pola fikir beliau ialah Sheikh 'Abd al-'Azim al-Zarqani, Sheikh Ibrahim al-Gharbawi, Sheikh 'Abd al-Aziz Bilal, Sheikh Mahmud Shaltut, Muhammad Abu Zahrah dan lain-lain.

Pada masa pengajian ini beliau berkesempatan untuk berjumpa dengan tokoh gerakan Islam yang merupakan pengasas organisasi *al-IkhwÉn al-MuslimÉn*. Shaikh al-Ghazali menceritakan kisah perjumpaan dirinya dengan Hasan al-Banna yang terjadi pada tahun 1937. Menurutnya beliau berjumpa dengan Hasan al-Banna kali pertama ialah ketika mana Hasan al-Banna memberikan ceramah di masjid 'Abd al-Rahman Harmuz. Perjumpaan itu menurutnya merupakan perjumpaan yang member kesan yang amat dalam sehingga memberikan semangat dan perubahan cara berfikir dalam memahami dakwah, khususnya yang berhubungkait dengan problematika umat dan obatnya. Bahkan ia pada akhirnya ikut serta dalam organisasi ini sebagai ahli yang aktif.<sup>4</sup>

Berkenaan dengan kepribadian Hasan al-Banna, beliau menyatakan sepertimana yang dinaqalkan oleh Yusuf al-Qardhawi: "Hasan al-Banna telah meninggalkan warisan yang amat

---

<sup>4</sup> Muhammad al-GhazÉlÉ, "Qissah al-×ayÉh", *Majallah IslÉmiyyah al-Ma'rifah*, edisi ke-2, 1997, 164.

berharga. Tiada seorangpun yang berjumpa denganya kecuali ia akan memperolehi manfaat darinya, semakin dekat dengan Tuhannya dan semakin memahami ajarannya.<sup>5</sup> Dalam kesempatan lain, Shaikh al-Ghazali memuji Hassan al-Banna dan mensifatinya sebagai pakar psikologi yang mahir dalam mendidik dan membentuk jiwa juang masyarakat.<sup>6</sup> Tidak berlebihan jika Hasan al-Banna dianggap sebagai seorang tokoh yang sangat member kesan dalam kepribadian beliau. Bahkan dalam pendahuluan buku *DusÿËr Wihdah al-ThaqÉfah li al-MuslimËn* yang ia tulis secara tegas dan jelas dinyatakan bahawa Hasan al-Banna merupakan pencetus inspirasi lahirnya buku ini.<sup>7</sup>

Pada tahun 1941 M, Muhammad al-Ghazali berjaya memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang dakwah dan bimbingan dengan sangat cemerlang.<sup>8</sup>

### **Darjah Kehormatan dan Pingat Penghargaan**

Atas jasanya yang amat besar dalam bidang dakwah dan keilmuwan, selama hayatnya Shaikh al-Ghazali memperoleh pelbagai darjah kehormatan dan penghargaan, sama ada dari dalam dan luar Negara, antara lain:

1. Penghargaan Tertinggi dari Kerajaan Republik Mesir, pada tahun 1988.
2. Darjah Kehormatan dalam bidang dakwah dari kerajaan al-Jazair, tahun 1988.

---

<sup>5</sup> YËsuf al-Qarÿawi, *Shaykh Muhammad al-GhazÉlÉ KamÉ 'Araftuhu*, terj. Surya Darma, (Jakarta: Robbani Press, 1999), 2.

<sup>6</sup> Muÿammad ØalÉbÉ, *al-Shaykh al-GhazÉlÉ wa Ma'rakat al-Mushaf fi al-'Ólam al-IslÉmÉ* (Kaherah: DÉR al-Øahwah, 1987), 107.

<sup>7</sup> Muÿammad al-GhazÉlÉ, *DusÿËr Wihdah al-ThaqÉfah bayna al-MuslimËn* (Damascus: DÉR al-Qalam, 1996), 5.

<sup>8</sup> Muÿammad al-GhazÉlÉ, "Qissah al-HayÉh", *Majallah Islamiyyah al-Ma'rifah*, edisi ke-2, 1997, 177.

3. Darjah Kehormatan dari Raja Faizal Saudi Arabia dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1989 M dan merupakan tokoh mesir pertama yang mendapat penghargaan seumpama.
4. Pada tahun 1990 M, mendapat penghargaan dari pemerintah Paskistan.
5. Pada tahun 1996 M, kerajaan Malaysia memberikan penghargaan kepadanya atas sumbanaan beliau yang amat besar dalam bidang dakwah dan keilmuwan.

### **Karya Ilmiah Shaikh al-Ghazali**

Sepertimana disebutkan dalam perbahasan sebelum ini bahawa ketokohan Shaikh al-Ghazali merentasi pelbagai bidang. Beliau menjelma sebagai seorang pemikir, ulama, sastrawan, pendakwah dan lain-lain. Hasil dari kajian yang dijalankan, karya tulis Shaikh al-Ghazali berjumlah 54 buah buku yang kesemuanya dihasilkan dari hasil kajian dan penelaan beliau yang berpaksikan al-Qur'an dan al-Hadith. Selain itu terdapat sebuah buku yang terdiri dari 4 juzuk yang merupakan kumpulan ceramah, khutbah dan pidato yang pernah beliau sampaikan semasa hayat. Penulis juga mendapati karya Shaikh al-Ghazali merangkumi pelbagai bidang, antara lain: tafsir, hadith, pemikiran Islam, dakwah Islamiyah dan lain-lain. Karya-karya tersebut dapat disebutkan sebagai berikut, antara lain:

#### ***Pertama: Karya Ilmiah Bidang al-Quran dan Tafsir***

1. *Al-Ma'Áwir al-Khamsah li al-Qur'Én al-KarÊm.*
2. *Kayfa Nata'Émal ma'a al-Qur'Én.*
3. *Nahwa TafsÊr al-MawdË'i.*
4. *NaÐarÉt fÊ al-Qur'Én.*

**Kedua: Karya Ilmiah Bidang al-Hadith**

1. *Al-Sunnah al-Nabawiyah bayna Ahl Hadîth wa Ahl al-Fiqh.*
2. *Fiqh al-ØÊrah.*
3. *Kayfa Nata'Émal ma'a al-Sunnah.*
4. *Min KunËz al-Sunnah*

**Ketiga: Karya Ilmiah Bidang Aqidah dan Tasawwuf**

1. *'AqÊdah al-Muslim*
2. *Al-JÉnib al-'ÓtifÊ min al-IslÉm.*
3. *Fan al-Úikr wa al-Du'É.*
4. *Khulq al-Muslim.*
5. *RakÉ'Êz al-ImÉn bayna al-'Aql wa al-Qalb*

**Keempat: Karya Ilmiah Bidang Pemikiran**

Karya ilmiah Shaikh al-Ghazali dalam bidang pemikiran merupakan karya ilmiah yang paling banyak, ianya mencecah 34 buah kitab. Perkara ini tidak dapat dipisahkan dari sosoknya yang sejak awal mendalami bidang akidah dan mendapatkan ijazah kedoktoran daripada fakulti Usuluddin. Di antara karya-karya tersebut ialah:

1. *Al-Ghazw al-ThaqÉfÊ Yamtaddu fi FarÉghinÉ.*
2. *Al-IslÉm al-MufatarÉ bayna al-ShuyË'iyin wa al-Ra'smÉliyyÊn.*
3. *Al-IslÉm fi Wajh al-Zahf al-Ahmar.*
4. *Al-IslÉm wa al-IstibdÉd al-SiyÉsi.*

5. *Al-Islám wa al-Manáhiġ al-Ishtirákiyah.*
6. *Al-Ta'assub wa al-Tasámuġ bayna al-Masáhiyyah wa al-Islám.*
7. *Haġáqah al-Qawámah al-'Arabiyah wa Usárah al-Ba'th al-'Arabá.*
8. *Huġáq al-Insán bayna Ta'álim al-Islám wa I'lán al-Umam al-Muttahidah.*
9. *Qalábyá al-Mar'ah bayna al-Taġálid al-Rakádah wa al-Wáfidah.*
10. *Turáthuná al-Fikrá fâ Mizán al-Shara' wa al-Fikr.*
11. Dan lain-lain.

***Kelima: Karya Ilmiah Dalam Bidang Dakwah***

Dalam disiplin ilmu dakwah, Shaikh al-Ghazali tidak secara khusus memperbahaskan mengenai teori dakwah dan konsep-konsepnya, tetapi lebih kepada cetusan dan pandangan beliau mengenai realiti dakwah semasa. Tema dan pembahasan utama Shaikh al-Ghazali dalam bidang dakwah lebih menumpukan pada problematika dakwah dan solusi yang beliau tawarkan. Walaubagaimanapun dalam banyak kesempatan beliau banyak memberikan aspirasi dalam proses menuliskan dakwah (*Ta'álim Da'áwá*). Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. *Ilal wa 'Adwiyah.*
2. *Al-Da'wah al-Islamiyyah Tastaqbil Qarnahá al-Khámis al-'Ashar.*
3. *Fâ Mawkib al-Da'wah.*
4. *Humám al-Dá'iyah.*
5. *Jihád al-Da'wah bayna 'Ajzi al-Dákhil wa Ká'id al-Khárij.*
6. *Ma'a Alláh; Dirásah fâ al-Da'wah wa al-Du'á.*



Dari karya ilmiah yang dihasilkan di atas dapatlah disimpulkan bahawa Shaikh al-Ghazali merupakan seorang tokoh yang sangat alim dan mampu mengutarakan ilmunya dengan baik dan berkesan. Kemampuan beliau dalam menuliskan semula pemikirannya (*al-Fikr*) dan perasaannya (*al-Öamir*) dalam bentuk tulisan merupakan bukti nyata tentang sifat kreatif, inovatif dan produktif yang sangat melekat dalam diri beliau. Adanya karya ilmiah dalam pelbagai bidang dan disiplin tersebut juga menunjukkan taraf keilmuan beliau yang amat tinggi dan mendapatkan pengiktirafan secara meluas.

### **Konsep dan Prinsip Dakwah Shaikh al-Ghazali**

Antara ulama terawal yang memperkenalkan konsep ini ialah seorang profesor di Universiti Baghdad yang bernama ‘Abd al-Karim Zaydan. Dalam membincangkan hal ini, beliau secara jelas menggunakan perkataan *UÏËl al-Da’wah* dalam bukunya. Dalam buku tersebut, ‘Abd al-Karim Zaydan menyebut empat perkara yang menjadi prinsip dasar dalam aktiviti dakwah, iaitu: pendakwah (*al-DE’i*), topik dakwah (*MawdË’ al-Da’wah*), objek dakwah (*Mad’Ë*) dan yang terakhir adalah tata cara dakwah dan media dakwah (*AsËlib al-Da’wah wa WasË’iluhË*).<sup>9</sup> Untuk melakari pemikiran Shaikh al-Ghazali mengenai teori ini, penulis sampaikan dalam perbahasan berikut ini:

#### ***Pertama: Pendakwah***

Setiap pemeluk agama Islam memiliki peranan dalam mendakwahkan Islam dan memikul tanggung jawab dakwah. Inti dari dakwah ialah menyuruh kepada perkara yang baik dan

---

<sup>9</sup> ‘Abd al-KarËm ZaydËn, *UÏËl al-Da’wah* (Beirut: Muassasah al-RisËlah, 1987), 2.

mencegah perbuatan yang munkar. Perkara inilah yang dilaksanakan oleh nabi Muhammad SAW sesaat setelah dilantik menjadi utusan Allah SWT. Oleh itu Rasulullah SAW adalah pendakwah pertama dalam sejarah ummat Islam. Justru itulah ummat Rasulullah bersama-sama dalam kewajiban berdakwah. Sebagai pewaris Rasulullah SAW, pendakwah hendaklah mencontohi dan menteladani cara dan kaedah dakwah beliau.

Untuk menjayakan usaha ini, pendakwah mesti memiliki kemahiran asas dan kelayakan dalam dakwah. Menurut Shaikh al-Ghazali, berdakwah pada hakikatnya merupakan usaha membina peribadi-peribadi yang utama. Oleh itu pendakwah mestilah terdiri dari golongan orang yang memiliki keutamaan. Bahkan pendakwah mestilah memiliki sesuatu nilai yang membezakan dirinya dengan masyarakat awam. Perkara pertama yang mesti dimiliki oleh seorang pendakwah ialah niat yang ikhlas.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun terdapat beberapa kriteria yang mesti dimiliki oleh seorang pendakwah. Dari kajian yang dijalankan terdapat Shaikh al-Ghazali menyebutkan beberapa criteria, iaitu:

*a. Kecemerlangan Fikiran*

Sebagai penyambung risalah Allah SWT, pendakwah dituntut memiliki fikiran yang logic, bijaksana dan berpengetahuan luas. Kemahiran ini adalah kunci kejayaan pendakwah dalam menyampaikan pesan dan ajaran Islam. Menurut Shaikh al-Ghazali, minda yang cerdas, pandangan yang terbuka dan pengetahuan yang kritis dapat membina keyakinan yang benar dalam diri pendakwah.<sup>11</sup> Justru dengan kelayakan ini, seorang pendakwah tidak akan terjerumus

---

<sup>10</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Ma'a AllÉh*, 169.

<sup>11</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *al-IslÉm wa al-AwÈ' al-IqtiÉdiyah* (Kaherah: DÉR al-ØaÍwah, 1987), 194.

kedalam perselisihan mazhab dan pertikaian antara sesama pendakwah. Bahkan Shaikh al-Ghazali turut menawarkan solusi kepada pedakwah dalam mendepani situasi pertikaian, iaitu: memperluas pengetahuan, ikhlas dan mengambil pengajaran dari sejarah masa silam.<sup>12</sup> Kemahiran inilah yang disebut oleh ‘Abd al-Karim Zaydan dengan istilah pemahaman yang mendalam (*al-Fahm al-DaqÊq*).<sup>13</sup> Dengan kaedah ini pendakwah akan berjaya membina dan melahirkan generasi yang terbaik, iaitu generasi yang dapat membawa kesan perbaikan dan islah seperti oase di tengah padang pasir.

#### *b. Spiritual yang Tinggi*

Selain ilmu yang mendalam, unsur ruhani menjadi perkara yang amat penting dan asas bagi seorang pendakwah. Hal ini kerana dakwah adalah usaha mendekatkan sasaran kepada Allah SWT. Menurut Shaikh al-Ghazali yang dimaksud dengan spiritual ini adalah wujudnya perhubungan dengan Allah SWT.<sup>14</sup> Sungguh perkara yang tidak dapat diterima oleh akal sekiranya pendakwah tidak memiliki hubungan yang kuat dengan Allah SWT, padahal ia mengajak manusia kepada Allah SWT.

Hubungan yang rapat dengan Allah SWT ini menurut Shaikh al-Ghazali hanya dapat ditempuh dengan cara mengenal-Nya (*Ma’rifah Allah*). Hal ini kerana hubungan yang rapat dengan Allah SWT dapat membina satu keyakinan yang amat tinggi dan mengatasi rasa takut dan kerisauan mengenai masa depan atau kepada penguasa. Justru hubungan yang rapat ini merupakan buah dari akidah yang kukuh bagi seorang muslim. Satu sifat yang dapat

---

<sup>12</sup> Mu’ammad al-GhazÊlÊ, *ÚalÊm bin al-Gharb* (Kaherah: DÊr al-Kutub al-×adithah, 1965), 284-289.

<sup>13</sup> ‘Abd al-KarÊm ZaydÊn, *UÊÊl al-Da’wah*, 328.

<sup>14</sup> Mu’ammad al-GhazÊlÊ, *Ma’a AllÊh*, 190

menghindarkan diri dari sifat menunjuk-nunjuk, mengharapkan faedah materi dan lain-lain faedah duniawi.<sup>15</sup> Selain itu, hubungan sedemikian dapat dibina melalui interaksi yang pantas dengan al-Qur'an yang dapat melahirkan kelazatan dalam jiwa, ketenangan batin, minda yang sihat dan mengobarkan semangat jihad menuju kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT.<sup>16</sup>

### *c. Teladan Bijak*

Menyukai keindahan dan kebaikan adalah satu sifat semula jadi bagi manusia. Atas alasan inilah seorang pendakwah hendaklah memastikan bahawa dirinya adalah teladan bagi manusia disekelilingnya. Bagi Shaikh al-Ghazali, sifat keteladanan diibaratkan sebagai magnet yang dapat menarik benda-benda disekeliling. Sifat teladan adalah kuasa yang digerakkan oleh iman yang dapat memikat dan menarik simpati orang lain.<sup>17</sup> Kenyataan Shaikh al-Ghazali ini menepati pelbagai ungkapan para ulama yang mengatakan bahawa perbuatan itu lebih kuat kesannya berbanding perkataan. Terdapat banyak tokoh yang berjaya mempengaruhi orang ramai dengan keteladanan berbanding dengan perkataan yang dilaungkan.

Oleh itulah hendaklah seorang pendakwah menyatukan antara perkataan dan perbuatan. Pendakwah hendaklah sentiasa mengamalkan proses menghisab diri sendiri bersamaan dengan usahanya membimbing dan mengajar orang lain. Hal ini sangatlah penting kerana al-Qur'an mensifati orang yang percakapannya tidak menepati perbuatannya sebagai anjing (*KilÉb*) dan keledai (*×imÉr*).<sup>18</sup> Berkenaan dengan pendakwah yang melupakan dirinya sendiri dan hanya

---

<sup>15</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Fi Mawkib al-Da'wah*, 41.

<sup>16</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Ma'a AllÉh*, 191.

<sup>17</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Ma'a AllÉh*, 285.

<sup>18</sup> Rujuk surah al-A'raf (7): 175-177 dan surah al-Jumu'ah (62) :5.

mengambil tumpuan dalam mendakwahkan orang lain ini, Shaikh al-Ghazali mengolongkan mereka sebagai pendakwah yang merusakkan iman dan merupakan penyakit yang menjangkiti masyarakat.<sup>19</sup>

Jelaslah pendakwah bagi Shaikh al-Ghazali merupakan pewaris Nabi Muhammad SAW dalam memanjangkan dakwah Islam. Untuk menjayakan aktiviti dakwah ini, seroang pendakwah hendaklah memiliki tiga kriteria asas, iaitu yang berkenaan dengan ilmu, keruhanian dan keteladanan yang baik dalam kalangan masyarakat. Penulis mendapati bahawa ketiga kelayakan itulah yang membolehkan para peniaga dan pendakwah dahulu menyebarkan Islam di nusantara dengan penuh jayanya.

### ***Kedua: Topik atau Ajaran Dakwah***

Para ulama bersepakat bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah adalah dua rujukan utama perundangan Islam. Shaikh al-Ghazali menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai rujukan utama dalam menjalankan dakwah Islam. Materi dakwah yang beliau sampaikan kepada sasaran dihasilkan dari pembacaan dan pengkajian beliau dari nas-nas naqli ini. Dalam pandangan beliau, jika al-Qur'an ini difahami dengan benar ia akan menjadi penjaga dari pelbagai penyakit jiwa, kesalahan berfikir dan memperkukuh daya fikir sehingga dapat membezakan perkara yang pokok dengan perkara cabang. Bahkan ianya dapat melahirkan kekuatan berfikir mengenai peristiwa alam raya dan memahami sebab-sebab terbinanya sebuah tamaddun dari peristiwa masa silam.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Ma'a AllÉh*, 191.

<sup>20</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *HumÈm al-DÉ'iyah* (Doha: DÉr al-Haramayn, 1983), 31.

Dari kajian yang dijalankan, penulis mendapati bahawa Shaikh al-Ghazali sangat mengambil tumpuan dalam aspek pengajian al-Qur'an dan al-Hadith. Menurut beliau al-Qur'an merupakan rujukan utama bagi umat Islam, terlebih lagi ianya adalah kitab yang agung dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab lain. Kekekalannya menjadi kitab umat Islam selama 14 abad menunjukkan mengenai kehebatan dan keistimewaan kitab yang mendapat jaminan penjagaan daripada Allah SWT. Justru tidak wujudnya golongan yang berjaya membina satu ayat seperti al-Qur'an adalah bukti yang kukuh akan ketidakmampuan golongan menandinginya.<sup>21</sup> Menurut beliau, al-Qur'an adalah pembimbing manusia menuju ketinggian akhlaq, marwah dan kehalusan budi yang dapat mencegah manusia terjerumus pada kehidupan yang hedon, serba boleh dan bercanggah dengan nilai semua jadi.<sup>22</sup>

Selain pengajian al-Qur'an, Shaikh al-Ghazali juga dikenal sebagai pembela al-Sunnah. Dalam banyak tulisan dan ceramahnya, beliau menyatakan bahawa agama ini tidak dapat difahami dengan baik tanpa al-Sunnah. Orang yang menolak al-Sunnah beliau kategorikan sebagai orang yang tidak memiliki disiplin ilmu dan ketelusan belajar. Bahkan ia mensifati orang yang menolak al-Sunnah kerana motif hawa nafsu sebagai penderhaka.<sup>23</sup> Shaikh al-Ghazali berjaya menghasilkan banyak buku berkenaan dengan pengajian al-Qur'an dan al-hadith. Justru penulis melihat bahawa perkara ini merupakan bukti kukuh mengenai tumpuan beliau yang amat besar dalam pengajian al-Qur'an dan al-Hadith. Antara buku-buku tersebut ialah: *al-Ma'âwir al-Khamsah li al-Qur'ân al-Karîm*, *Kayfa Nata'Émal ma'a al-Qur'Én*,

---

<sup>21</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *NaDarat fi al-Qur'Én* (Mesir: DÉr al-Kutub al-HadÉthah, t.t.), 5.

<sup>22</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Ilal wa Adwiyah* (Damascus: DÉr al-Qalam, 1985), 273-274.

<sup>23</sup> Lihat Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *HumÉm al-DÉ'iyah*, 131, Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *DusËr Wíðah*, 29 dan Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *Laysa min al-IslÉm* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1991), 46.

*NaDarÉt fi al-Qur'Én al-KarÉm, TafsÉr MauÛu'É li al-Qur'Én al-KarÉm dan al-Sunnah bayna al-Fiqh wa Ahl al-HadÉth.*

Walau bagaimanapun, Shaikh al-Ghazali juga mengambil tumpuan mengenai tema-tema kontemporari dan isu-isu semasa. Materi beliau mengandungi pelbagai materi dakwah yang berhubungkait dengan tajuk-tajuk masyarakat moden. Tidak jarang beliau juga mengemukakan pandangannya mengenai situasi terkini dan memberikan panduan dan jalan keluar yang diambil dari pembacaan beliau terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah. Bahkan beliau juga tidak segan memberikan nasihat dan kritik kepada penguasa dan pihak pemerintah mengenai situasi yang tidak bersesuaian dengan semangat dan ajaran Islam. Beberapa materi dakwah berkenaan dapat diperbahaskan berikut ini:

*a. Politik Negara Islam*

Politik antara aspek yang sering diperbincangkan ulama sejak zaman berzaman. Imam al-Mawardi menyebut tugas seorang pemerintah adalah menjaga agama dan mentabdir dunia dengan agama (*KhirÉsah al-DÉn wa SiyÉsah al-DunyÉ Bihi*). Shaikh al-Ghazali sepertimana para pendahulunya, menganggap politik sebagai alat untuk mendaulatkan agama Islam melalui konsep mesyuarat dalam setiap peringkat kepemimpinan.<sup>24</sup> Menurutnya kehidupan moden perlu mengambil sistem demokrasi sebagai salah satu cara menyampaikan pandangan politik setiap warga Negara, menghormati hak asasi manusia dan mengambil nilai-nilai kemanusiaan (*Human Being*) dalam pelaksanaannya.

---

<sup>24</sup> MuÍammad al-GhazÉlÉ, *HumÉm al-DÉ'iyah*, 144.

Walau bagaimanapun, Shaikh al-Ghazali memperingatkan agar sistem shura yang dijalankan adalah sistem yang diiktiraf oleh Islam bukan demokrasi ala Barat. Sistem moden yang dimaksud menurutnya ialah dalam perkara teknikal pelaksanaan hukum, bukan dalam konteks membuat undang-undang dan perkara yang bercanggah dengan al-Qur'an al-Sunnah.<sup>25</sup> Penulis melihat bahawa gagasan yang dikemukakan oleh Shaikh al-Ghazali ini pada hakikatnya merupakan cerminan dari kehidupan beliau, khususnya di Negara-negara Arab yang dibina atas dasar pemerintah warisan dan dinasti. Negara yang dibina atas dinasti lebih besar membawa kepada hilangnya konsep shura dan keadilan sosial bagi seluruh warga Negara.

Atas alasan sedemikian, Shaikh al-Ghazali mengutuk ketidakadilan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam ketika itu. Ketidakadilan berlaku dengan memperkerjakan orang lain dengan imbalan yang tidak sepadan ataupun menikmati kesenangan di atas keringat dan penderitaan orang-orang lemah. Mendepani isu ketidakadilan ini beliau menyatakan bahawa masyarakat Islam memiliki kewajiban untuk menanggung mana-mana orang miskin yang tidak memiliki penghasilan yang mencukupi keperluan dirinya dan menyara ahli keluarga yang berada di bawah tanggungannya.<sup>26</sup> Jelaslah bahawa materi dakwah Shaikh al-Ghazali menyentuh aspek kehidupan politik yang banyak dilalaikan oleh para ulama dan pendakwah yang sezaman dengannya. Materi dakwah mengenai politik ini sekaligus menjadi bukti pemahaman beliau yang mendalam mengenai agama Islam.

---

<sup>25</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *al-Ghazw al-ThaqÉfÉ Yamtaddu fi FarÉghinÉ* (Amman: Mu'assasah al-Sharq li al-'AlaqÉt al-'Ómmah, 1985),62.

<sup>26</sup> Mu'ammad al-GhazÉlÉ, *al-IslÉm wa al-Awda al-IqtíÉdiyah* (Kaherah: DÉr al-Øahwah, 1987), 156.



*b. Tasawwur Islam*

Antara materi dakwah yang menjadi tumpuan Shaikh al-Ghazali ialah membina konsep tasawwur Islam dan menjaganya dari serangan pemikiran moden. Menurutnya, ummat Islam ini hendaknya memiliki pengetahuan yang betul tentang Islam. Selain pengajian ilmu Islam, mereka hendaklah memiliki pengetahuan asas tentang fenomena alam. Ketidaktahuan umat Islam mengenai perkara ini merupakan puncak kemunduran dan keterbelakangan masyarakat Islam.<sup>27</sup> Justru tasawwur yang benar tentang Islam dapat digali dari al-Qur'an dan al-Hadith dengan melakukan usaha transformasi (*Tajdîd al-ÔrÉ'*) dan pembaharuan pemikiran (*Tanwîr al-AfkÉr*).

Berkenaan dengan membina tasawwur Islam sebenar, Shaikh al-Ghazali memberikan dua jalan keluar yang mesti ditempuh oleh seorang pendakwah, iaitu menjaga dan melestarikan kemurnian agama dari serangan musuh dan menjauhkan akidah dari fahaman khurafat dan fahaman moden yang dapat merusak kemurniannya.<sup>28</sup> Manakala berkenaan dengan metodologi memahami ayat-ayat *MutashÉbihÉt*, khususnya berkenaan dengan tema metafizik dan hakikat kejiwaan ruh yang tidak dapat diterokai oleh akal, Shaikh al-Ghazali mencadangkan untuk mencukupkan dengan ayat-ayat yang *MuÍkamÉt*.<sup>29</sup>

Penulis berpandangan bahawa solusi yang diketengahkan oleh Shaikh al-Ghazali ini merupakan cadangan yang amat munasabah dan tepat. Ketidakmampuan akal dalam memahami perkara-perkara ghaib, metafizik dan lain-lain dapat mengakibatkan pelaku menjadi anti Tuhan

---

<sup>27</sup> MuÍammad al-GhazÉlÉ, *MushkilÉt fi ÛarÉq al-×ayah* (Doha: KitÉb al-Ummah, 1402), 34.

<sup>28</sup> MuÍammad al-GhazÉlÉ, *Kayfa Nafham al-IslÉm*, 182.

<sup>29</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Shaikh MuÍammad al-GhazÉlÉ*, 348.

dan menjadi orang yang kehilangan arah. Justru itulah komitmen dengan ayat-ayat *MuġkamĒt* adalah satu-satunya jalan keluar dalam masalah ini.

*c. Isu Kontemporari Dunia Islam*

Meskipun tumbuh besar dibuaian ulama tradisional Mesir, Shaikh al-Ghazali menjelma menjadi ulama yang sangat moderat dan menerima perkara-perkara yang baru. Antara isu materi dakwah yang sering dilaungkan oleh Shaikh al-Ghazali ialah isu feminisme.<sup>30</sup> Dalam pandangan beliau isu mengenai status dan kedudukan wanita hendaklah diletakkan dalam porsi dan kadar yang benar, tidak membatasi dan memberikan kebebasan mutlak. Di satu sisi, beliau membantah tradisi yang sedia ada yang membatasi muslimah diam diri di dalam rumah, tidak dibenarkan pergi ke masjid, memakai purdah dan lain-lain. Di sisi yang lain, beliau juga tidak bersetuju dengan fahaman Barat yang memberikan kebebasan mutlak kepada wanita sehingga kedudukan mereka sama sejajar dengan lelaki. Dalam pandangannya, fahaman ini akan menjadikan wanita kehilangan identiti dan marwah.<sup>31</sup>

Pembelaan Shaikh al-Ghazali terhadap wanita terlihat dari gaya persembahan beliau yang khas dalam pelbagai buku-buku yang beliau hasilkan. Beliau secara jelas dan terang meletakkan perbincangan dalam porsi dan tempat yang sesuai berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith. Bahkan tidak jarang beliau menggunakan pakai metode perbantahan ketika mana mendepani isu-isu yang amat penting dan serius. Antara isu yang dibincangkan dengan panjang ialah mengenai hukum purdah dan hukum wanita bekerja diluar rumah. Penjelasan secara rinci berkenaan dengan isu-

---

<sup>30</sup> Muġammad al-GhazĒlĒ, *al-Da'wah al-IslĒmĒyah*, 63.

<sup>31</sup> Yusuf al-Qardawi, *Shaikh Muġammad al-GhazĒlĒ*, 295.

isu wanita dapat dibaca dalam buku beliau yang berjudul *QaîÉyÉ Mar'ah bayna al-TaqÉlid al-RÉqidah wa al-WÉfidah* dan *al-Sunnah al-Nabawiyah*.

Dari pendedahan di atas dapat disimpulkan bahawa Shaikh al-Ghazali berjaya mempelbagan materi dakwah. Selain berkenaan dengan pengajian al-Qur'an dan al-Hadith, beliau juga mengambil peranan dalam meluruskan pandangan umat Islam, khususnya berkenaan dengan tasawwur Islam, aliran pemikiran semasa dan pembelaan yang kuat terhadap nasib perempuan. Tema-tema dakwah ini melengkapi tema-tema dakwah lain yang disampaikan oleh Shaikh al-Ghazali seperti masalah akidah, syariah dan akhlak.

### ***Ketiga: Media Dakwah***

Dalam buku *Ma'a Allah*, Shaikh al-Ghazali membahagikan beberapa media dakwah yang boleh diguna pakai oleh pendakwah dan beliau juga mencontohkan metode-metode tersebut dalam dakwahnya, antara lain: Keteladanan (*Qudwah al-Hasanah*), dakwah menerusi ucapan (*Da'wah bi al-Lisan*), dakwah menerusi tulisan (*Da'wah bi al-Kitabah*) dan *al-Targhib* dan *al-Tarhib*. Berikut ini penjelasan dari tiap-tiap media tersebut.

#### **a. Metode Qudwah Hasanah**

Keteladanan yang baik dalam dakwah adalah kaedah yang sangat efektif dalam menarik sasaran dakwah untuk melakukan kebaikan. Melakukan kebaikan pada hakikatnya merupakan sifat semula jadi dalam diri manusia. Sifat ini akan semakin terserlah ketika mana manusia mendapati contoh dan teladan yang nyata dalam kehidupan. Dalam pandangan al-Ghazali, seorang

pendakwah yang berjaya adalah seorang yang mampu mengajak orang lain melakukan kebenaran melalui perbuatannya, meskipun tanpa ada satu katapun keluar dari bibirnya.<sup>32</sup>

Dalam lakaran sejarah juga terdapat pelbagai bukti akan perkara tersebut. Kejayaan nabi Muhammad SAW dalam dakwah dikeranakan adanya kesesuaian antara ucapan dan perbuatan. Bahkan dalam banyak kesempatan, nabi Muhammad SAW memberi contoh secara praktikal sebelum beliau menyuruh para sahabat melakukan suatu amalan. Justeru sifat itulah yang menjadi sebab dijadikannya Rasulullah sebagai ikutan dan teladan. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ

اللَّهُ كَثِيرًا

Terjemahan: Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Surah al-Ahzab (33): 21

Oleh kerana itu, sememangnya pendakwah menjadikan Rasulullah SAW sebagai teladan dalam dakwah. Menurut Shaikh al-Ghazali, orang Islam yang tidak menghayati dan meneladani kehidupan Rasulullah SAW adalah orang yang tidak berguna. Dan amalan ibadahnya, meskipun mengucapkan lafaz selawat ke atas Baginda sebanyak seribu kali sehari semalam, sekali-kali tidak akan berfaedah bagi dirinya.<sup>33</sup> Pada pandangan penulis, jika seorang Islam biasa

<sup>32</sup> Muhammad al-Ghazali, *Ma'a Allah*, 296.

<sup>33</sup> Muhammad al-Ghazali, *Fiqh al-Sirah*, 6.

diharuskan untuk menjadi teladan bagi orang lain, apatah lagi seorang tersebut adalah seorang pendakwah yang sememangnya bertugas untuk menjadi teladan dalam masyarakat.

b. Dakwah Menerusi Ucapan (*Da'wah bi al-Khitabah*)

Salah satu bentuk metode dakwah yang sangat asas dalam usaha dakwah adalah melalui pertuturan dan pengucapan. Menurut Nor Raudah Hj. Siren, dakwah ini menumpukan usaha pada penyampaian mesej dakwah kepada sasaran melalui gaya retorik lisan pendakwah.<sup>34</sup> Dakwah melalui ucapan merupakan dakwah paling asas dalam perjalanan dakwah Islam. Kemampuan manusia untuk berhubung melalui lisan merupakan anugerah istimewa bagi manusia.

***Keempat: Kaedah Dakwah***

Kaedah dakwah merupakan salah satu penentu kejayaan dakwah. Kaedah merupakan cara yang digunapakai oleh seorang pendakwah dalam menyampaikan ajaran dakwah. Sebaik dan seagung suatu ajaran tidak dapat diterima dengan baik manakala media dan kaedah yang digunakan tidak menepati sasaran. Kaedah yang tepat dan cara yang sesuai akan membawa natijah yang berkesan. Jelasnya media dan kaedah adalah satu cara yang digunakan oleh pendakwah untuk mencapai matlamat yang dikehendaki dalam diri sasaran dakwah.

Untuk mencapai kejayaan dakwah, al-Ghazali mengambil beberapa kaedah dakwah. Kaedah ini secara tidak langsung merupakan idea dan gagasan beliau mengenai beberapa tahapan yang mesti dilalui oleh pendakwah sehinggalah terbina satu masyarakat yang bertepatan

---

<sup>34</sup> Nor Raudah Hj. Siren, "Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus", *Jurnal al-Afkar* 1 (2000), 199-205.

dengan matlamat dakwah. Tahapan itu ialah pembinaan fikrah (*Bina' al-Fikrah*), pembinaan akidah (*Bina' al-'Aqidah*), penerapan undang-undang (*Taqnin al-Hukm*) dan seterusnya penguatkuasaan (*Iqamah al-Hukm*).<sup>35</sup> Untuk mempraktikkan tahapan-tahapan tersebut, al-Ghazali menggunakan beberapa pendekatan berikut ini:

a. Metode Hikmah

Nilai agung daripada metode hikmah ini adalah kebijaksanaan, sama ada dalam ucapan, perbuatan dan sikap sehingga mampu meletakkan sesuatu pada tempatnya dalam konteks kemanusiaan. Sebagai seorang cendekiawan yang ulung, metode hikmah yang melahirkan sifat demokratik, persuasif dan membina menjadi nilai yang sangat menonjol dalam diri al-Ghazali. Dalam konteks dakwah, al-Ghazali lebih memilih menjadi seorang guru berbanding dengan seorang hakim yang memiliki kuasa untuk memberi keputusan.

Dalam pandangan beliau, pendakwah adalah seorang penyampai maklumat dan pemberi peringatan. Dalam konteks inilah al-Ghazali melihat kepentingan seorang pendidik dalam memerangi kebodohan, Pembina tamaddun dan pemberi peringatan sepertimana yang disebut dalam firman Allah SWT:

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِجَبَّارٍ ۖ فَذَكِّرْ بِالْقُرْآنِ مَنْ تَخَافُ وَعِيدِ ﴿٥٠﴾

Terjemahan: “Kami lebih mengetahui tentang apa yang mereka katakan, dan kamu sekali-kali bukanlah seorang pemaksa terhadap mereka. Maka beri peringatanlah dengan Al Quran orang yang takut dengan ancaman-Ku.

(Surah Qaf/50: 45)

<sup>35</sup> Muhammad al-Ghazali, *Fi Mawqib al-Da'wah*, 139.

Berkenaan dengan metode pemaksaan yang digunakan oleh sebahagian pendakwah, al-Ghazali tergolong ulama yang tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut. Secara khas, beliau memberikan kritik kepada pihak-pihak yang tidak bergiat dalam dakwah, malas melaungkan kebenaran tetapi keras dalam menyerukan peperangan.<sup>36</sup> Oleh kerana itu, al-Ghazali tidak mengambil sikap kasar dan keras. Dakwah Islam mestilah disebar dengan semangat ilmu pengetahuan, pencerahan dan keteladanan yang baik.

b. Metode *Maw'izah Hasanah*

c. Metode Mujadalah

Metode ini dikenali dengan kaedah diskusi argumentatif dengan mengambil tumpuan pada akal dan logika untuk mematahkan logika-logika salah yang sesat. Metode ini memerlukan kekuatan akal dan pembacaan yang luas serta mendalam. Justeru metode ini tidak digalakkan bagi pendakwah yang tidak memiliki kemahiran mantiq dan hujah yang kuat. Penggunaan kaedah ini dapat membawa kepada kemudharatan apabila tidak dilaksanakan dengan baik dan benar. Bahkan al-Qur'an memberi amaran kepada orang Islam agar menggunakan kaedah ini dengan betul, khususnya kepada ahli Kitab sepertimana yang disebutkan dalam surah al-Ankabut (29):  
46 berikut ini:

---

<sup>36</sup> Muhammad al-Ghazali, *JihÉd al-Da'wah Bayna 'Ajzi al-Dakhil wa Kayda al-Kharij* (Kaherah: Dar al-Sahwah, 1998), 20.

﴿ وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا  
ءَامَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴾



Terjemahan: Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka, dan katakanlah: "Kami Telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan kami Hanya kepada-Nya berserah diri".

Yang dimaksud dengan orang-orang yang zalim ialah: orang-orang yang setelah diberikan kepadanya keterangan-keterangan dan penjelasan-penjelasan dengan cara yang paling baik, mereka tetap membantah dan membangkang dan tetap menyatakan permusuhan.

Sebagai seorang pendakwah ulung, Shaikh al-Ghazali memahami perkara ini dengan baik. Dalam banyak karya ilmiah, Shaikh al-Ghazali menunjukkan diri sebagai seorang ilmuwan yang memiliki kekuatan dalam melemahkan fitnah dan tohman orang-orang zalim dan mereka yang melawan agama Islam. Dalam konteks inilah kita melihat figur beliau yang mampu mendepani para orientalis dan kaum liberalis yang menyebarkan fitnah dalam kalangan umat Islam. Berkenaan dengan isu dan gaya beliau dalam berdiskusi atau debat dapat dilihat dalam karya beliau antara lain: kitab *Difa' 'an al-'Aqidah wa al-Shari'ah Dhid Mata'in al-Mushrikin* dan lainnya.



## RUJUKAN

- FathÊ Hasan al-MulkawÊ, al-AtÊ' al-FikrÊ li al-Shaykh Muhammad al-GhazÊlÊ (Amman: al-Ma'had al-'AlÊmÊ li al-Fikr al-IslÊmÊ, 1996), 16.
- 'Abd al-KarÊm ZaydÊn, UÊl al-Da'wah (Baghdad: Maktabah al-ManÊr al-Islamiyyah, 1981), 3.
- Muhammad ØalÊbÊ, al-Shaykh al-GhazÊlÊ wa Ma'rakÊt al-Mushaf fi al-'Ólam al-IslÊmÊ (Kaherah: DÊr al-Øahwah, 1987)
- Muhammad al-GhazÊlÊ, "Qissah al-×ayÊh", Majallah IslÊmiyyah al-Ma'rifah, edisi ke-2, 1997, 164.
- YÊsuf al-QarÊawi, Shaykh Muhammad al-GhazÊlÊ KamÊ 'Araftuhu, terj. Surya Darma, (Jakarta: Robbani Press, 1999)
- MuÁammad ØalÊbÊ, al-Shaykh al-GhazÊlÊ wa Ma'rakat al-Mushaf fi al-'Ólam al-IslÊmÊ (Kaherah: DÊr al-Øahwah, 1987)
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, DusÏÊr Wihdah al-ThaqÊfah bayna al-MuslimÊn (Damascus: DÊr al-Qalam, 1996), 5.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, al-IslÊm wa al-AwÊ' al-IqtîÊdiyah (Kaherah: DÊr al-ØaÍwah, 1987), 194.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, ÚalÊm bin al-Gharb (Kaherah: DÊr al-Kutub al-×adithah, 1965), 284-289.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, HumÊm al-DÊ'iyah (Doha: DÊr al-Haramayn, 1983), 31.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, NaÐarat fi al-Qur'Ên (Mesir: DÊr al-Kutub al-HadÊthah, t.t.), 5.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, 'Ilal wa Adwiyah (Damascus: DÊr al-Qalam, 1985), 273-274.
- Lihat MuÁammad al-GhazÊlÊ, HumÊm al-DÊ'iyah, 131, MuÁammad al-GhazÊlÊ, DusÏÊr WiÍdah, 29 dan MuÁammad al-GhazÊlÊ, Laysa min al-IslÊm (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1991), 46.
- MuÁammad al-GhazÊlÊ, al-Ghazw al-ThaqÊfÊ Yamtaddu fi FarÊghinÊ (Amman: Mu'assasah al-Sharq li al-'AlaqÊt al-'Ómmah, 1985), 62.

Muhammad al-Ghazali, *al-Islam wa al-Awda al-Iqtisadiyah* (Kaherah: Dar al-Øahwah, 1987), 156.

Muhammad al-Ghazali, *Mushkilat fi Uraiq al-ayah* (Doha: Kitab al-Ummah, 1402), 34.

Muhammad al-Ghazali, *Kayfa Nafham al-Islam*, 182.

Muhammad al-Ghazali, *al-Dawah al-Islamiyah*, 63.

Muhammad al-Ghazali, *Fiqh al-Sirah*, 6.

Nor Raudah Hj. Siren, “Retorik Pengucapan Dakwah Ustaz Ismail Kamus”, *Jurnal al-Afkar* 1 (2000), 199-205.

Muhammad al-Ghazali, *Jihad al-Dawah Bayna ‘Ajzi al-Dakhil wa Kayda al-Kharij* (Kaherah: Dar al-Sahwah, 1998), 20.